



Dr Mahathir bersama Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in (enam dari kiri) dan pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-ROK di Busan, semalam.

(Foto BERNAMA)

Korea Selatan minat bantu PKS kita

Kerajaan kenal pasti teknologi bersesuaian untuk dimanfaatkan syarikat tempatan.



Korea Selatan bersetuju memperluaskan kerjasama dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan Malaysia.

Permintaan itu disuarakan Tun Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan Korea dan mereka bese-

tuju membantu ke arah meningkatkan kerjasama.

"Mereka turut berminat membantu syarikat kecil di negara kita," katanya kepada media Malaysia pada akhir Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea (ROK) yang berlangsung dua hari di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia akan mengenal pasti PKS dari Korea Selatan yang memiliki teknologi bersesuaian dan boleh bekerjasama dengan syarikat tempatan.

"Sebagai contoh dalam sektor pertanian. Korea mempunyai teknologi yang membolehkan anda mendapat keuntungan walaupun hanya menguruskan seekor tanah," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan teknologi Korea yang membolehkan strawberi ditanam dalam ruang tertutup.

"Strawberi berkenaan ditanam

tanpa sinar matahari dan hanya menggunakan cahaya buatan, namun rasanya amat manis," katanya sambil menambah kerajaan perlu menghantar rakyat Malaysia mempelajari teknologi itu dari Korea Selatan.

"Kita juga mempunyai tekno-

Teknologi mereka amat maju dan digunakan untuk meningkatkan kehidupan. Kita melihat banyak peluang untuk bekerjasama dengan Korea dan syarikatnya

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

logi sendiri seperti tanaman dalam ruang tertutup dan disirami semburan kabut," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menempatkan tanaman di kediamannya yang disirami mekanisme semburan kabut kawalan masa.

"Ini bermakna kita mempunyai teknologi dan tidak terlalu ketinggalan," katanya.

Perdana Menteri tidak menyembunyikan kegagumannya terhadap kemajuan teknologi Korea Selatan.

Beliau turut menyatakan kekaguman terhadap pencapaian negara itu dalam teknologi aeroangkasa dan kereta api.

"Teknologi mereka amat maju dan digunakan untuk meningkatkan kehidupan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sidang kemuncak kali ketiga anjuran Korea Selatan sejak 2009 itu, amat ber-

guna buat Malaysia.

"Kita melihat banyak peluang untuk bekerjasama dengan Korea dan syarikatnya," katanya.

Korea Selatan berperanan secara signifikan terhadap pembangunan Malaysia menerusi Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan Malaysia pada 1982.

Menerusi Dasar Pandang Ke Timur 2.0 (LEP 2.0), Malaysia berhasrat mempelajari kekuatan Korea Selatan dalam bidang teknologi maju dan inovasi termasuk industri baharu, kecerdasan buatan, ekonomi digital, robotik dan pembuatan pintar serta industri aeroangkasa.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, dijadual berlepas ke Seoul hari ini bagi lawatan rasmi dua hari.

Ini adalah lawatan rasmi pertamanya sejak menjadi Perdana Menteri ketujuh.

BH - 27/11/2019 m/d: 2